

*Tarikh dibaca: 1 Syawwal 1444H*



# KHUTBAH IDUL FITRI

*Tajuk:*

**“HARI KEMENANGAN,  
HARI PERPADUAN”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## "HARI KEMENANGAN,HARI PERPADUAN"

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينُ، وَلَوْ كَرِهَ  
الْكَافِرُونَ، وَلَوْ كَرِهَ الْفَاسِقُونَ، وَلَوْ كَرِهَ الظَّالِمُونَ. لَا إِلَهَ إِلَّا  
اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ  
الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ  
الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْعِيدَ عِيدَ الدِّينِ وَالْعِبَادَةِ، لَا مِنْ  
عَمَلِ الدُّنْيَا وَمَنَاهِجِ الْعَادَةِ، لِشُكْرِهِ عَلَى أَدَاءِ الصَّوْمِ الَّذِي  
بِهِ السَّعَادَةُ، فَهُوَ مِنْ مَوَاسِيمِ الدِّينِ لِلْمُسْلِمِينَ، وَمِنْ  
مَظَاهِرِ الْإِبْتِهَاجِ لِطَاعَةِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:



وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَيْتُمْ وَلَعَلَّكُمْ

<sup>١</sup> تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، خَلَقَ الْخَلْقَ  
فَقَدَرَ، وَيَسَّرَ الْعَالَمَ وَدَبَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ رَغَبَ الطَّائِعِينَ وَبَشَّرَ، وَهَدَّدَ الْعَاصِيَنَ وَأَنذَرَ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَاصْحَابِهِ الْأَبْرَارِ وَسَلَّمَ  
تَسْلِيمًا كَثِيرًا، أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، إِتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ  
<sup>٢</sup> حَقًّا تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٦٩﴾  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

**Hadirlin muslimin-muslimat yang dikasihi Allah sekalian,**

Marilah kita bertakwa kepada Allah dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Pada hari ini, marilah kita bergembira dan bersyukur ke hadrat Allah kerana Allah telah memberikan kesempatan kepada kita untuk menyambut Idulfitri pada tahun ini, hari yang amat berbahagia kepada seluruh mukminin kerana telah

<sup>1</sup> al-Baqarah : 185

<sup>2</sup> ali-Imran : 102.



berjaya menunaikan kefarduan puasa sepanjang Ramadhan dengan sempurna, telah berjaya menundukkan hawa nafsunya, melatih diri dengan menjauhi amalan yang keji dan mungkar dan dapat meningkatkan amal-amal soleh. Harapan kita semoga kedatangan Idulfitri membawa berkat dan rahmat kepada diri, keluarga, masyarakat dan Negara.

Khutbah Idulfitri pada kali ini bertajuk, "**HARI KEMENANGAN, HARI PERPADUAN.**"

### **Hadirin Muslimin-Muslimat yang dikasihi Allah Sekalian,**

Hari ini kita diperintahkan untuk menggembirakan ahli keluarga dan juga fakir miskin dan mereka yang kurang bernasib baik dalam kehidupannya dengan memberi pertolongan dan bantuan mengikut kemampuan masing-masing, membantu saudara-saudara kita yang baru dan sedang ditimpa banjir dan kita dituntut supaya bermaaf-maafan antara isteri dengan suami, anak dengan ibu bapa, yang muda dengan tua, begitulah seterusnya dengan sahabat-sahabat dan kawan tidak memilih bangsa dan keturunan, tidak juga mengira pangkat dan darjah.

Hari ini orang-orang yang sabar di dalam melaksanakan puasanya dengan penuh keimanan dan mengharapkan keampunan Allah, dan segala amalan soleh sepanjang Ramadhan ini, Allah akan mengurniakan sebaik-baik balasan dan ganjaran yang berlipat ganda. Allah berjanji melalui firman-Nya dalam surah al-Rahman ayat 60:

هَلْ جَرَاءُ الْإِحْسَنِ إِلَّا إِلَّا حَسَنٌ ﴿٦﴾

*"Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik melainkan balasan yang baik juga?"*



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin muslimat yang berbahagia,**

Setelah sebulan penuh kita melakukan amal ibadah, melatih diri berhias dengan sifat-sifat mahmudah (terpuji), diri dan jiwa menjadi bersih, jagalah dan jangan dikotori lagi dengan amal-amal keji seperti menyebarkan dakwaan-dakwaan palsu, propaganda buruk, menghebohkan berita-berita jahat, tuduh menuduh, menabur fitnah dengan menggunakan saluran media, hasad dengki, dendam kesumat, perseteruan, bermusuhan sesama masyarakat, umpat-mengumpat, cela-mencela, caci-mencaci, mendedahkan keaiban orang lain, buruk sangka sesama Muslim, menganggap dirinya sahaja yang betul dan menganggap orang lain salah.

Kesemua sifat-sifat tercela ini sangat berbahaya kepada agama, bangsa dan negara serta umat akan dilaknat Allah, rasul-Nya dan masyarakat. Sifat-sifat keji tersebut merupakan penyakit yang boleh merosakkan umat Islam, melenyapkan perpaduan dan memecahkan umat Islam, yang akhirnya akan menuju kepada kehancuran dan kemurkaan Allah SWT. Firman Allah dalam surah al-Nur ayat 19 bermaksud:

*"Sesungguhnya orang yang suka mengheboh tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan akhirat dan ingatlah Allah mengetahui (segala perkara) sedangkan kamu tidak mengetahui (yang demikian)."*

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ



## Saudaraku! Muslimin dan Muslimat,

Satu perkara yang perlu disentuh pada hari raya yang mulia ini ialah masalah perpecahan dan perselisihan dalam kalangan umat Islam yang terus berlaku. Memandangkan perlu dan pentingnya perpaduan, penyatuan dan persaudaraan untuk menjamin maruah umat Islam, wajarlah semua umat Islam kembali kepada Al-Quran dan al-Sunnah, yang sentiasa menyuruh meninggalkan segala persengketaan, perpecahan, perkelahian, pergaduhan, permusuhan dan hasad dengki. Bersatulah di bawah kalimah Toyyibah iaitu kalimah Syahadah:

أَشْهِدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهِدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Firman Allah surah al-Anfal ayat 46 yang bermaksud:

*"Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantah. Kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati. Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar."*

Kembalilah kepada kebenaran dan berpegang teguhlah kepada ajaran Islam, bentuklah usrah, keluarga dan ukhuwah kerana Allah. Hidupkanlah semangat tolong menolong, Bantu membantu atas dasar takwa kepada Allah. Bersatulah kita dalam melaksanakan Amar Makruf Nahi Mungkar. Ingatlah firman Allah surah al-Maidah ayat 2 yang bermaksud:

*"Hendaklah kamu bertolong-tolong untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (ma'siat) dan pencerobohan."*



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

**Muslimin dan Muslimat yang dikasihi dan dirahmati Allah SWT,**

اللَّهُ أَكْبَرُ , Allah Maha Besar

Setelah sebulan kita berpuasa, maka sampailah masanya kita berhari raya. Apa yang penting ialah pastikan tujuan dan hikmah kita melaksanakan ibadah puasa selama sebulan itu akan terus menerus hendaknya memberikan kesan yang mendalam didalam kehidupan kita. Untuk membentuk diri dan peribadi kita menjadi muslim mukmin yang muttaqin, selaras dengan ajaran Al-Quran supaya kita benar-benar bertakwa.

Menjelangnya Idulfitri, bukan bererti kita telah bebas lepas tidak terikat dengan sebarang peraturan dan disiplin hidup, tetapi telah tiba masanya kita menghadapi cabaran hidup untuk kita membuktikan sejauh manakah kemampuan kita dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab selepas menjalani latihan selama sebulan sepanjang Ramadhan. Inilah masanya untuk kita melihat umat Islam mempraktikkan ketakwaannya yang dibina sepanjang Ramadhan. Setelah umat Islam bermunajat dan beribadah selama sebulan di sepanjang Ramadhan membersihkan diri, sekarang marilah bangun mengajak umat manusia untuk mengamalkan ajaran-ajaran Islam, dengan kesungguhan, ikhlas dan sabar, semoga Allah memberikan kejayaan dan kemenangan kepada umat Islam.

Mudah-mudahan Ramadhan telah berjaya menyembuhkan kerohanian hati kita, membetulkan pemikiran kita yang tersesat, menghidupkan hati kita yang mati, menyinari roh yang kegelapan. Mudah-mudahan Ramadhan telah



berjaya menyucikan pancaindera kita, menundukkan pandangan kita, memelihara anggota dan melemahkan syaitan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin dan Muslimat yang dikasihi dan dirahmati Allah SWT,**

Syawwal adalah bulan untuk kita membentuk diri dan membangun masyarakat yang berorentasikan keimanan, pengorbanan dan ketulusan hati yang diperaktiskan sepanjang Ramadhan yang lalu, manakala kejayaan telah kita sambut dengan kemunculan Syawwal. Sewaktu ini jiwa dan hati bersih dari noda dan dosa yang dibersihkan dengan amalan ibadah puasa dan tuntutan-tuntutannya dengan penuh keimanan dan pengorbanan jiwa dan raga.

Kita mengharapkan ibadah Ramadhan meninggalkan kepada kita kesan yang baik di dalam diri dan akhlak kita. Mudah-mudahan ia menjadi ubat kepada penyakit yang kita hadapi. Mudah-mudahan hikmah disebalik ibadah puasa di siang hari dan menghidupkan malamnya dengan qiyam dan ibadah membawaikan ketakwaan yang berkekalan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Ramadhan telah menyedarkan dan membangunkan umat ini. Menghadapi cabaran dan halangan dalam perjalannya. Melakukan pengorbanan yang dicurahkan untuk Ramadhan. Maka apakah selepas Ramadhan kita mengabaikan amalan agama kita, adakah kita mahu melucutkan sahsiah Islamiah daripada diri kita. Adakah apabila kita keluar dari Ramadhan, bagaikan tak sabar-sabar mahu berpisah dengan Ramadhan, mahu bebas daripada larangan-larangan ketika berpuasa. Kalau



ini yang berlaku, jauh sekali bagi kita untuk mendapatkan kesan daripada Ramadhan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah SWT.**

Banyak kesan yang ditinggalkan Ramadhan dalam jiwa orang-orang yang soleh terdahulu. Mereka sangat dukacita berpisah dengan Ramadhan. Mudah-mudahan umat Islam tetap kekal sifat mereka sebagaimana mereka berada di dalam bulan Ramadhan. Menjadi seorang yang mulia tidak hina, melaksanakan pengabdian kepada Allah, tidak menjadi hamba kepada nafsu dan syahwat yang mendorong kepada keburukan. Mulia dengan mentaati Allah. Menjunjung perintah Allah. Kuat dengan keimanan dan benar keyakinan dan pegangan kepada Allah. Kalau orang Islam istiqamah dalam keadaan ini pada bulan Ramadhan dan selainnya, sudah tentu kita menjadi umat yang kuat dan mulia. Sudah tentu seruan-seruan jahiliyah dan kerosakan tidak boleh meresap masuk ke dalam masyarakat Islam dan sudah tentu penyakit perpecahan, kelemahan dan pertelingkahan dalam kalangan masyarakat tidak akan berlaku.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Sebagai orang Islam, janganlah kita hanya melazimi takwa pada bulan Ramadhan sahaja dengan meninggalkan maksiat dan dosa, tekun melakukan solat dan datang solat berjemaah serta saling membantu sesama ummah. Tetapi keadaan ini tidak berlaku sebaik sahaja berakhirnya bulan Ramadhan. Janganlah kita hanya kenal Allah Taala pada bulan Ramadhan. Hanya mengingat Allah pada bulan Ramadhan sahaja. Apabila berakhir



bulan Ramadhan ia kembali melakukan dosa dan maksiat serta tenggelam dalam lumpur kesyahwatan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah SWT,**

Bagi mengakhiri khutbah Idulfitri ini, marilah kita menghayati dan mengambil pengajarannya untuk dijadikan pedoman dalam hidup kita. Antaranya:

1. Umat Islam hendaklah bergembira dan bersyukur dengan kedatangan Syawwal yang membawa keberkataan dan rahmat.
2. Umat Islam hendaklah sedar bahawa perbuatan cerca mencerca, tuduh menuduh dan berburuk sangka adalah sifat-sifat yang amatlah berbahaya dan keji akan mengundang kemurkaan Allah dan azab di akhirat kelak.
3. Umat Islam diingatkan jangan meringankan ajaran Islam dengan berakhirnya Ramadhan dan bermulanya Syawwal seperti meninggalkan solat, mendedahkan aurat dan perkara-perkara mungkar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنَّمَا حَرَمَ رَبِّيَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالْإِثْمُ وَالْبَغْيُ  
بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَن تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَن تَقُولُوا عَلَى  
اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ



"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanmu hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi dan perbuatan dosa dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar dan (diharamkan-Nya) kamu mempersekuatkan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya); dan (diharamkan-Nya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya.

(Surah Al-A'raf: 33).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَأَيَّاً كُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ



## KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،  
الْحَمْدُ لِلَّهِ مُعِيدِ الْجَمْعِ وَالْأَعْيَادِ، وَمُبِيدِ الْأَمْمِ وَالْأَجْنَادِ،  
وَجَامِعِ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ، إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِ�عَادِ،  
أَشْهَدُ أَنَّ لَآ إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُفْضَلُ عَلَى جَمِيعِ الْعِبَادِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ  
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ التَّنَادِ، وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا يَأَيُّهَا الَّذِينَ  
آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin dan muslimat yang dihormati sekalian,

Sebaik sahaja selepas mendengar khutbah ini, marilah kita bersama-sama bersalam salaman dan bermaaf-maafan sambil berpelukan agar berguguranlah segala kesalahan sebaik sahaja berpisah. Rasulullah SAW



memeluk Saidina Jaafar sekembalinya daripada Habsyah dan mengucup antara dua matanya.

Ketika pulang ke rumah nanti, pulanglah dengan jalan yang berlainan supaya dapat bertemu lebih ramai umat Islam, bersalam-salaman. Meriahkanlah 'Eid ini dengan kunjung mengunjung, dan mengeratkan silaturrahim antara satu sama lain. Sambil mendoakan tetamu yang datang ke rumah kita dan mendoakan tuan rumah yang kita kunjungi.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Hadirin dan hadirat semua, Marilah kita berselawat kepada Nabi Muhammad SAW, kerana Allah SWT memerintahkan kita melalui firman-Nya dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى الَّذِي حَيَّا إِلَيْهَا الْأَذْيَنَ ءَامَنُوا صَلَوْا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ⑤٦

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ  
صَاحِبِ الْمَقَامِ الْمَحْمُودِ وَالْحَوْضِ الْمَوْرُودِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي  
الْحَاجَاتِ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِإِسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ  
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةً مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سلاَغُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاَغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ  
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَّةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغَ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرْضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحَنَّ، بِلْطُفْكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾  
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.  
تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَالِ  
مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ

\*\*\*\*\*